

Peranan Teori Psikolinguistik Dalam Pemeraksanaan Pendidikan Bahasa Melayu Di Malaysia

AHMAD HIFZURRAHMAN RIDZUAN^a, & ZALIZA ZUBIR^b

^a Centre for International Languages (CIL),
Universiti Malaysia Perlis
hifzurahman@unimap.edu.my

^b Centre for International Languages (CIL),
Universiti Malaysia Perlis
zaliza@unimap.edu.my

Abstrak—Makalah ini membicarakan dua bidang utama dalam disiplin linguistik, iaitu psikolinguistik dan pendidikan bahasa. Kita akan melihat bagaimana bidang psikolinguistik dapat diterapkan dalam bidang pendidikan bahasa, khususnya pendidikan bahasa Melayu di Malaysia. Penerapan dalam bidang psikolinguistik ini melibatkan kedua-dua tahap dalam proses pendidikan bahasa, tahap perancangan dan pelaksanaan sesuatu program pendidikan bahasa. Beberapa aspek akan difokuskan dalam perbincangan, antara lain perbezaan antara pemerolehan bahasa pertama dan pembelajaran bahasa kedua, keperluan menyeimbangkan pengetahuan nahu dan pengetahuan kecekapan berbahasa, penerapan prinsip pengajaran pengkayaan bahasa dan pengajaran pembentukan biasaan berbahasa. Kertas kerja akan turut membincangkan kesan ketakseimbangan dalam perancangan dan pelaksanaan program pendidikan bahasa Melayu terhadap bentuk pengetahuan bahasa Melayu para pelajar, dan seterusnya pengaruh bentuk pengetahuan bahasa ini terhadap negara, khususnya terhadap pemasyarakatan konsep satu Malaysia, iaitu Malaysia sebagai sebuah Negara yang bersatu padu, harmoni dan rakyatnya saling hormat menghormati.

Kata kunci: pemerolehan bahasa, pembelajaran bahasa, pembentukan biasaan berbahasa dan kecekapan berbahasa.

Abstract—This paper discusses two major areas in linguistics discipline namely psycholinguistics and language education. The focus of this study is on how in psycholinguistics can be applied in the field of language education, especially in Malay language education in Malaysia. Application of theories and research findings in psycholinguistics involved both level of language education, which are the planning level and implementation level. The discussion later on will concentrate on the differences between first language acquisition and second language learning, balancing the needs for the knowledge of grammar and knowledge of language competence, the principle of enrichment in first language education and the formation of new language habits. This study also discusses the effect of disproportion in the planning and the implementation of Malay language education on the nature of Malay language acquired by students, along with the concept of 1 Malaysia.

Keywords: language acquisition, language learning, the formation of language habits and language competence.

I. PENGENALAN

Pendidikan bahasa merupakan proses pengkayaan bahasa dalam kalangan penutur bahasa pertama, dan juga aspek penguasaan berbahasa yang baru dalam kalangan penutur bahasa kedua. Proses pengkayaan bahasa merujuk proses penambahbaikan kepada kemahiran dan pengetahuan bahasa yang sedia ada, iaitu satu proses mengeksplicitkan pelbagai kemahiran dan pengetahuan bahasa yang dikuasai pada peringkat awal kehidupan. Pengetahuan dan kemahiran berbahasa pertama telah dikuasai secara tidak formal dalam persekitaran keluarga, dan apabila kanak-kanak mencecah usia lima tahun mereka sudah menjadi penutur yang fasih dalam bahasa ibunda mereka. Kemahiran ini merujuk kemahiran lisan, iaitu kemahiran mendengar dan bertutur.

Dalam proses pendidikan bahasa sebagai bahasa kedua, sasarannya adalah ke arah pembinaan bahasa yang baharu, iaitu membina tabiat berbahasa dalam bahasa kedua, di samping kemahiran berbahasa pertama yang telah dikuasai. Proses membina kemahiran berbahasa yang baharu atau kemahiran berbahasa yang kedua biasanya dilakukan dalam satu proses pendidikan yang bersifat formal. Kemahiran berbahasa kedua adalah suatu kemahiran tambahan, iaitu satu kemahiran baru yang kadangkala mempunyai perbezaan yang agak ketara dengan kemahiran sedia ada, iaitu kemahiran menggunakan bahasa ibunda. Jarak perbezaan atau darjah kelainan antara dua bahasa adalah bergantung kepada darjah kekerabatan antara dua bahasa tersebut (bahasa pertama dan bahasa kedua), dan darjah kekerabatan antara dua bahasa merupakan salah satu pemboleh ubah yang penting dalam proses merancang dan melaksana sesuatu program pendidikan bahasa.

Perancangan dan pelaksanaan sesuatu program pendidikan bahasa harus mengambil kira faktor etnik atau pemboleh ubah bangsa. Dengan kata lain, bangsa yang berbeza seringkali mempunyai bahasa ibunda yang berbeza, dan setiap bahasa mempunyai sifat dan ciri tertentu yang membezakannya dengan bahasa lain. Makalah ini akan mengupas dan membincangkan mengapa faktor etnik merupakan satu faktor yang amat penting dalam perancangan dan pelaksanaan sesuatu program pendidikan bahasa, khususnya pendidikan bahasa Melayu di Malaysia.

II. PSIKOLINGUISTIK DALAM PEMBELAJARAN BAHASA

Psikolinguistik adalah ilmu yang mempelajari perilaku berbahasa, baik perilaku yang tampak maupun perilaku yang tidak tampak seperti resepsi, persepsi, pemerolehan bahasa, dan pemroduksian bahasa serta proses yang terjadi di dalamnya. Contoh perilaku yang tampak dalam berbahasa adalah perilaku manusia ketika berbicara dan menulis atau ketika dia memproduksi bahasa, sedangkan contoh perilaku yang tidak tampak adalah perilaku manusia ketika memahami sesuatu yang dimilikinya atau memproses sesuatu yang akan diucapkan atau ditulisnya atau ketika berbahasa.

Peranan Psikolinguistik dalam pembelajaran bahasa sangat penting kerana dengan memahami psikolinguistik seorang guru memahami proses yang terjadi dalam diri murid ketika murid menyemak, berbicara, membaca, ataupun menulis dan berkemampuan dalam keterampilan berbahasa.

Bahasa merupakan ciri khas manusia dan merupakan sesuatu yang kompleks dan objek pembelajaran bagi kegiatan ilmu yang pelbagai bersesuaian dengan bidang ilmu yang dipelajarinya. Bagi ahli falsafah, bahasa mungkin merupakan alat untuk berfikir, bagi ahli logika mungkin suatu kalkulus, bagi ahli ilmu jiwa mungkin jendela yang kabur untuk dapat ditembus guna melihat proses berfikir dan ahli untuk bahasa suatu sistem lambang yang arbitrari.

Selain itu, bahasa juga dapat diselidiki secara berbeza misalnya sebagai gejala individu ataupun gejala sosial. Dalam penyelidikan bahasa merupakan sebahagian dari ilmu jiwa umum, sehingga kategori-kategori deskriptif seperti ingatan, keterampilan dan persepsi dapat diguna pakai untuk menerangkan tingkah laku yang bersifat kebahasaan maupun bukan kebahasaan. Sebagai gejala sosial, bahasa merupakan sebahagian dari sosiologi umum, sehingga kategori-kategori deskriptif yang diguna pakai untuk menerangkan bahasa adalah istilah sosiologi pula seperti struktur sosial kebudayaan, status dan peranan dan sebagainya. Dengan demikian pembelajaran kebahasaan diwarnai oleh pengaruh dari luar dan inilah yang menimbulkan dorongan agar tercipta adanya otonomi atau kebebasan ilmu bahasa (IB) dari ilmu yang lain. Dalam penerapan teori-teori linguistik pembelajaran bahasa, bermungkinan teori berasal dari linguistik teoritis dengan aliran pembelajaran bahasa struktural atau tranformasi, mungkin pula dari psikolinguistik maupun sosiolinguistik. Apa yang penting ialah teori ini dapat dimanfaatkan untuk pelaksanaan pembelajaran bahasa.

Ilmu bahasa teoritis dengan aliran Ilmu Bahasa (IBS) misalnya menekankan sifat bahasa yang diucapkan. Bukinya, semua manusia itu berbicara walaupun tidak mengenal tulisan dan anak belajar berbicara dulu dan kemudian belajar membaca dan menulis. Sebagai kesimpulannya, Pembelajaran Bahasa (PB) menekankan penguasaan bahasa lisan dalam bahasa asing. Tulisan bahasa tidak diajarkan pada tingkat permulaan dan akan diajar setelah murid menguasai bahasa lisan dengan baik. Sebagai dasar pertimbangan memperkenalkan bahasa dan tulisan dengan waktu yang sama menimbulkan kesukaran kerana murid dihadapkan dengan dua tahap kesukaran belajar serentak.

Ilmu Bahasa Struktural (IBS) juga menekankan sifat bahasa yang unik dan mengandungi pengertian bahawa bahasa itu berbeza satu dari yang lain. Implikasinya ialah bahawa orang yang belajar bahasa asing akan menjumpai kesukaran yang terutama disebabkan adanya unsur yang berbeza antara bahasa ibu murid dengan bahasa sasaran. Oleh kerana itu, dalam pembelajaran bahasa (PB) perlu dilakukan analisis kontrastif antara kedua bahasa untuk mengasingkan unsur yang berbeza. Bahasa terdiri dari dua aspek iaitu aspek pengetahuan dan aspek keterampilan dan keduanya harus diperhatikan dan dikembangkan dalam Pembelajaran Bahasa (PB). Murid yang telah memahami kaedah melalui penjelasan atau bimbingan guru agar murid menemukan sendiri menggunakan bahasa sebagai alat komunikasi. Guru tidak digalakkan untuk banyak

berteori mengenai bahasa, kerana Pembelajaran Bahasa (PB) lebih ditekankan pada penggunaan bahasa dalam pergaulan antara manusia dan diingatkan bahawa bahasa adalah juga suatu gejala sosial. Hal ini merupakan suatu prinsip yang ditekankan dalam Ilmu Psikolinguistik mahupun Sosiolinguistik.

Ilmu psikolinguistik menyatakan bahawa bahasa merupakan alat komunikasi untuk menyampaikan maksud fikiran atau perasaan. Dalam hal ini pembelajaran bahasa bukan dimaksudkan agar murid hanya menguasai bahasa itu sebagai suatu sistem yang berdiri sendiri, hingga disebut sebagai taraf penguasaan keterampilan memanipulasi bahasa saja. Ramai kalangan guru bahasa yang mengeluh bahawa murid yang telah sampai pada taraf penguasaan keterampilan bahasa (*skill getting phase*) iaitu menggunakan bahasa sebagai alat komunikasi sehari-hari. Mungkin ini disebabkan oleh perhatian guru yang terlalu menitikberatkan pada kemampuan murid menghasilkan kalimat yang betul secara gramatikal, sehingga kurang memberi kesempatan pada murid untuk menyatakan kemampuan atau isi hati dengan kalimat yang telah dipelajari itu.

Berdasarkan pengalaman ini sebaiknya latihan berkomunikasi diberikan sebaik mungkin, Sebaiknya guru jangan terlalu bersifat keterluluan yang meminta murid menghasilkan kalimat yang betul saja hingga mengorbankan arus komunikasi. Hal ini juga tidak berarti bahawa murid dihadapkan pada situasi yang rumit sehingga tidak berkomunikasi, melainkan dipilhkan situasi yang cukup sederhana dan dalam batas kemampuan murid untuk berkomunikasi. Disinilah letak seninya, guru dituntut untuk lebih kreatif dan inovatif dalam menciptakan situasi yang serasi dengan kemampuan murid, agar murid terdorong melatih menggunakan bahasa sasaran sebagai media komunikasi.

Seorang belajar bahasa dan dikatakan mampu berbahasa apabila *pertama* mempunyai pemilihan tentang bahasa tersebut yang oleh *Noam Chamsky* dikatakan “ *a speaker’s competence, his knowledge of the language* ”. dan *kedua* mempunyai kemampuan penggunaan bahasa tersebut yang oleh *Noam Chomsky* dikatakan “*his performance, his actual use of the language in concrete situation* “. Adapun pertimbangan penerapan psikolinguistik pada pembelajaran bahasa adalah :

- Kelompok pembuat dan penentu kebijaksanaan bahasa. Selain pertimbangan psikolinguistik juga pertimbangan sosiolinguistik.
- Kelompok pendidik. Pendidik harus dapat memberikan informasi tentang metode dan teknik baru yang efektif dalam pengajaran bahasa.
- Kelompok guru. Guru akan melihat konsekuensi pengajaran bahasa. Hasil atau konsekuensi ini ditentukan oleh interaksi (a) guru, (b) murid,(c) metode dan teknik, (d) materi dan isi pengajaran bahasa.
- Kelompok penguasaan alat-alat pendidikan khususnya pengajaran bahasa. Dengan kemajuan teknologi, alat bantu pengajaran pun dikembangkan. Kelompok ini adalah penghasil alat laboratorium bahasa, filem bahasa dan lain sebagainya. Dalam pembelajaran bahasa perlulah kerjasama daripada pelbagai pihak untuk merealisasikan sebuah hasil konkrit. Jelaslah bahawa peranan teori psikolinguistik sebagai suatu ilmu yang mengajarkan bagaimana penggunaan bahasa itu secara aktual dalam berkomunikasi.

III. PENGETAHUAN NAHU DAN KECEKAPAN BERBAHASA

Kecekapan Berbahasa Penutur bahasa kedua menguasai pengetahuan bahasa menerusi proses pendidikan formal. Proses pendidikan formal lebih mementingkan pengajaran dan pembelajaran aspek nahu atau tatabahasa, maka aspek inilah yang akan dapat dikuasai dengan lebih memuaskan berbanding dengan aspek-aspek yang berkaitan dengan kecekapan berbahasa seperti aspek kesusilaan dan kewajaran dalam berbahasa. Para pelajar bukan Melayu berkemungkinan besar akan menguasai pengetahuan bahasa secara tidak seimbang, iaitu pengetahuan nahu dikuasai dengan lebih baik berbanding dengan pengetahuan tentang aspek kecekapan berbahasa.

Aspek kecekapan berbahasa Melayu merupakan aspek yang memperlihatkan dengan lebih jelas perbezaan di antara pelajar natif dan bukan natif. Pengajaran dan pembelajaran pengetahuan nahu harus diseimbangkan dengan aspek kecekapan berbahasa. Pengetahuan nahu dan kecekapan berbahasa ialah dua komponen pengetahuan bahasa yang saling elengkapi, iaitu bagi membolehkan seseorang pengguna bahasa menghasilkan output bahasa yang gramatis dan pada masa yang sama dapat diterima secara baik oleh pendengar sasaran.

Bahasa Melayu memainkan peranan secara efektif sebagai alat penyatu, pengetahuan bahasa Melayu harus dikuasai oleh seluruh rakyat Malaysia secara utuh dan berpadu. Keutuhan pengetahuan bahasa bermaksud kedua-dua komponen pengetahuan bahasa, iaitu nahu dan kecekapan berbahasa dikuasai secara seimbang. Keseimbangan dalam penguasaan pengetahuan bahasa Melayu akan menghasilkan penutur bahasa Melayu yang berwibawa, dan bahasa Melayu akan dapat berfungsi sebagai alat komunikasi dan mekanisme perpaduan antara kaum secara berkesan.

IV. PEMERKASAAN DAN PEMURNIAAN BAHASA MELAYU DALAM PENDIDIKAN ABAD KE-21.

Pada tahun 2003 pula, Kementerian Pendidikan telah melaksanakan pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris di semua sekolah bagi murid-murid Tahun 1, Tingkatan 1 dan Tingkatan 6 rendah. Kementerian berpendapat bahawa pendedahan awal dalam pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris (PPSMI) dapat menguatkan asas bahasa Inggeris murid-murid serta menambahkan konteks penggunaan bahasa Inggeris. Dasar pelaksanaan ini telah menimbulkan pelbagai reaksi daripada masyarakat. Ada pihak yang menyokong dasar itu, tetapi ada juga yang tidak bersetuju. Golongan nasionalis Cina tidak bersetuju dengan dasar ini kerana mereka berpendapat Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina tidak menghadapi masalah pembelajaran mata pelajaran Sains dan Matematik. Pertukaran bahasa pengantar daripada bahasa ibunda pelajar ke bahasa Inggeris akan menjejaskan pencapaian murid-murid-murid di sekolah tersebut. Sementara itu, ahli bahasa dan pejuang-pejuang bahasa Melayu pula berpendapat bahawa penggunaan bahasa Inggeris dalam kedua-dua mata pelajaran tersebut adalah langkah permulaan ke arah menjadikan bahasa itu sarana dominan dalam sistem pendidikan negara dalam jangka panjang. Namun demikian, mereka tidak menolak kepentingan bahasa Inggeris sebagai bahasa antarabangsa dan kunci untuk mencari ilmu baru, khususnya dalam bidang sains dan teknologi.

Akhirnya, pada 8 Julai 2009 Tan Sri Muhyiddin Yassin, Menteri Pelajaran Malaysia telah mengumumkan bahawa pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris (PPSMI) dimansuhkan dan mata pelajaran Sains dan Matematik akan kembali diajar dalam bahasa Melayu pada tahun 2012 di semua peringkat persekolahan. Keputusan ini dibuat bagi memartabatkan bahasa Melayu serta meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris dalam sistem pendidikan. Langkah ini diambil selepas kerajaan membuat penelitian terhadap hasil-hasil kajian tentang pelaksanaan

PPSMI serta keputusan beberapa sesi perbincangan meja bulat antara pihak kerajaan dengan pertubuhan dan badan yang berkaitan dengan pendidikan. Pihak kerajaan akan merancang beberapa strategi bagi meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris serta memartabatkan status bahasa Melayu dalam sistem pendidikan.

Berdasarkan huraian di atas ternyata bahawa dekad pertama abad ke-21 beberapa perubahan telah berlaku dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan di Malaysia. Perubahan-perubahan ini mempunyai implikasi terhadap pelaksanaan dasar Pendidikan Bahasa Melayu di peringkat mikro di sekolah.

V. PENDIDIKAN BAHASA MELAYU PADA ABAD KE-21

Bahagian ini akan mengemukakan dan membincangkan dapatan kajian tentang pendidikan Bahasa Melayu sepanjang dekad pertama abad ke-21. Selain itu bahagian ini juga akan mengenal pasti masalah-masalah pendidikan bahasa Melayu yang dapat menjejaskan pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Masalah-masalah ini perlu diatasi oleh pelaksana dasar di peringkat mikro bagi memperkasa bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa pengantar ilmu. Aspek-aspek pendidikan Bahasa Melayu yang akan dikemukakan dalam bahagian ini adalah seperti berikut:

- Kualiti bahasa Melayu pelajar dan keyakinan mereka terhadap Bahasa Melayu.
- Asas bahasa Melayu guru.
- Asas pedagogi guru bahasa Melayu.
- Kualiti pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di institusi pendidikan swasta.

Prestasi pelajar dalam mata pelajaran bahasa Melayu pada abad ke-21 belum sampai kepada tahap yang boleh dibanggakan. Keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia pada 2000 menjadi isu hangat yang dibincangkan dalam media massa. Keputusan peperiksaan itu menunjukkan 49,966 (14%) orang pelajar yang mengambil peperiksaan itu gagal memperoleh sijil penuh kerana tidak lulus dalam mata pelajaran Bahasa Melayu (Berita Harian 2002, 27 Februari: 1) Kajian di peringkat mikro juga menunjukkan bahawa penguasaan bahasa Melayu pelajar masih belum sampai ke tahap yang boleh dibanggakan.

Dalam pelaksanaan Akta Pendidikan 1996 dalam Sistem Pendidikan, bukti-bukti kajian menunjukkan bahawa golongan pelajar dan pekerja berkeyakinan bahawa bahasa Melayu mempunyai peranan pada abad ke-21 bagi memmdahkan ilmu dan kemahiran untuk pembangunan sumber manusia.

Dalam hal ini pekerja dan pelajar berpendapat bahasa Melayu dan bahasa Inggeris mempunyai peranan masing-masing pada abad ke-21. Oleh itu, pelaksana dasar di peringkat makro perlu memastikan bahawa dalam Penyediaan tenaga kerja pada abad ke-21, penekanan yang seimbang perlu diberi terhadap pembelajaran kedua-dua bahasa supaya para pengguna dapat memanfaatkannya bagi pembangunan negara. Ini bermakna bahawa pada abad ke-21 perlu wujud sikap yang sihat dalam kalangan masyarakat terhadap penggunaan bahasa Melayu dan Inggeris. Situasi penggunaan kedua-dua bahasa ini tidak boleh berbentuk 'kalah-menang' yakni menggunakan bahasa Inggeris tidak bermakna menolak penggunaan bahasa Melayu.

Ahli-ahli pendidikan bahasa tempatan dan di barat sependapat bahawa, seseorang guru bahasa perlu mempunyai pengetahuan dalam dua perkara sebelum dapat mengajar. Pertama, guru perlu mempunyai pengetahuan tentang bahasa yang hendak diajar dan kedua, pengetahuan tentang perkaedahan pengajaran yang paling berkesan bagi membolehkan pelajar mempelajari bahasa. Ahli-ahli

bahasa berpendapat bahawa, pengetahuan tentang rumus tatabahasa ialah asas pembelajaran bahasa. Tegasnya, guru bahasa Melayu perlu menguasai asas tatabahasa bahasa Melayu sebelum mengajar, supaya mereka dapat membezakan penggunaan bahasa yang tepat dengan yang tidak tepat.

Asas-asas tatabahasa bahasa Melayu yang terdapat dalam buku ini perlu dikuasai oleh guru sebelum mengajar kecekapan berbahasa dan aspek-aspek bahasa yang terdapat dalam sukatan pelajaran. Melalui cara ini, guru bahasa Melayu akan menjadi model pengguna bahasa yang baik kepada pelajar-pelajar mereka. Pelaksana dasar di peringkat makro dan mikro perlu memastikan guru yang mempunyai kelulusan dalam bidang bahasa Melayu sahaja layak mengajarkan mata pelajaran tersebut di sekolah.

Guru-guru bahasa Melayu perlu mempunyai asas pengajaran dalam bidang pengkhususan mereka iaitu Bahasa Melayu. Pedagogi bahasa adalah prosedur mengajar yang terbentuk berasaskan prinsip-prinsip linguistik dan psikologi bagi menyelesaikan masalah pengajaran bahasa. Oleh sebab pengajaran bahasa adalah tugas amali, guru-guru perlu menggunakan pengetahuan dalam bidang ilmu linguistik dan psikologi bagi memandu mereka dalam pengajaran bahasa. Guru bahasa Melayu mestilah terdiri daripada calon-calon yang terlatih dalam bidang pengkhususan mereka supaya mereka berkemampuan untuk memilih pedagogi yang selaras dengan kebolehan pelajar-pelajar mereka.

Perkembangan pendidikan bahasa Melayu di negara kita pada hari ini menunjukkan bahawa guru-guru bahasa perlu menguasai pedagogi pengajaran kepada tiga kumpulan pelajar, iaitu pelajar-pelajar yang mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua; dan pelajar-pelajar yang mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa asing (khususnya di IPTS). Asas pedagogi bahasa untuk ketiga-tiga kumpulan pelajar ini perlu dikuasai oleh guru bahasa Melayu sebelum mengajar.

Kajian menunjukkan bahawa perkembangan pendidikan semasa juga memerlukan guru bahasa Melayu mempunyai kemahiran menggunakan pedagogi bestari dalam pengajaran mereka. Pedagogi bestari memberi penekanan kepada pendekatan pengajaran yang berpusatkan pelajar, kebolehan menyepadukan nilai, kemahiran belajar dan berfikir dalam pengajaran bahasa serta mengaplikasi dan menyepadukan teknologi maklumat dalam pengajaran.

Dalam pengajaran Bahasa Melayu di Sekolah Bestari, guru-guru didapati kurang menggunakan alat teknologi walaupun mereka sedar dan bersetuju tentang kepentingan teknologi maklumat dalam pengajaran dan pembelajaran di Sekolah Bestari (Zulkipli 2005). Guru-guru Bahasa Melayu di Sekolah Bestari sering menggunakan strategi sepadu melalui penyerapan dan penggabungjalinan serta strategi berpusatkan pelajar berbanding strategi pembelajaran melalui internet, pakej dan bahan perisian komputer (Zulkipli 2005).

VI. KESIMPULAN

Pelbagai pandangan yang telah dikemukakan dalam makalah ini membayangkan kepada bahawa untuk menjamin kejayaan sesuatu program pendidikan bahasa, program tersebut mestilah dirancang dan dilaksanakan dengan teliti. Dalam proses perancangan dan pelaksanaan, teori dan dapatan kajian daripada bidang psikolinguistik dapat memberikan sumbangan yang besar dan bermakna bagi menjamin kejayaan sesuatu program pendidikan bahasa, khususnya pendidikan bahasa Melayu di Malaysia. Pelbagai masalah kebahasaan yang menghantui kita sekarang dapat dielakkan atau diselesaikan.

Beberapa perkara utama harus kita pertimbangkan semasa merancang dan melaksanakan sesuatu program pendidikan bahasa. Pendekatan pemurnian dan pemeraksanaan bahasa harus diterapkan mengikut kesesuaian. Harus sedari bahawa bahasa Melayu bukan setakat berperanan sebagai bahasa pengantar atau medium

komunikasi, tetapi lebih daripada itu bahasa Melayu ialah bahasa perpaduan yang dapat menyatukan pelbagai etnik di Malaysia, dan merupakan aset utama dalam membina dan memperkukuhkan gagasan satu Malaysia yang sedang rancak dikonsepsikan dan dimasyarakatkan

RUJUKAN

- 1) Asmah Hj. Omar.(1982). Language and society in Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- 2) Asmah Hj. Omar. (1987). Malay in its sociocultural context. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- 3) Azhar M. Simin. (1993). Sintaksis wacana “Yang” dalam bahasa Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- 4) Bernama. 2009. Najib perjelas gagasan satu Malaysia.
- 5) (Berita Harian 2002, 27 Februari: 1)
- 6) Brown, H.D.(1980). Principles of language learning and teaching. Englewood Cliffs, N: Prentice Hall.
- 7) Chomsky, N. (1985). Aspect of the theory of syntax. Massachuset: Massachuset Institute of Technology Press. 191
- 8) Zamri Mahamod. (2001). Psikolinguistik dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- 9) Zamri Mahamod. (2007). Psikolinguistik dalam Pengajaran dan Pemerolehan Bahasa
- 10) Pertama dan Kedua. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- 11) Zulkifley Hamid. (2001). Psikolinguistik dan pendidikan Bahasa. Bangi: Penerbitan UKM
- 12) Zulkifley Hamid. (2005). Aplikasi Psikolinguistik dalam pengajaran dan pembelajaran
- 13) Bahasa Melayu. Kuala Lumpur : PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- 14) Zulkifli Hamid. (2011). Peranan Teori Psikolinguistik dalam Pemurnian dan Pemeraksanaan Pendidikan Bahasa Melayu di Malaysia. Jurnal e-Bangi:hlm 183-192.
- 15) <http://www.1Malaysia.com.my/index.php?option=com>